

LANGKAH PENCEGAHAN PANDEMIK COVID 19 MELALUI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN: SATU MASLAHAH

COVID 19 PENDINGIC PREVENTION STEP THROUGH MOVEMENT CONTROL ORDER: A MASLAHAH

Irwan bin Mohd Subriⁱ

ⁱ (Prof. Madya Dr.) Pengarah Besar, International Fatwa and Halal Centre (IFFAH) & Pengarah, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). irwan@usim.edu.my

Abstrak

Sejenis Coronavirus baharu yang dikenali sebagai COVID-19 telah menyerang dunia termasuk di Malaysia. Menurut Pertubuhan Kesihatan dunia (setakat 31 Mac 2020), COVID-19 telah menyebabkan kematian sebanyak 36,405 mangsa. Artikel ini cuba membincangkan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung wabak COVID-19. Artikel ini menggunakan metode analisis dokumen dengan merujuk kepada beberapa buku, jurnal, laman web dan Youtube. Dapatan kajian mendapati bahawa Perintah Kawalan Pergerakan menepati masalah atau kebaikan yang dianjurkan oleh Syariat Islam demi menjaga kesihatan dan nyawa masyarakat awam daripada COVID-19 di Malaysia.

Kata kunci: *Coronavirus, COVID-19, Perintah, Kawalan, Pergerakan.*

Abstract

A new type of Coronavirus known as COVID-19 has invaded the world, including Malaysia. According to the World Health Organization (as of March 31, 2020), COVID-19 has caused the deaths of 36,405 victims. This article attempts to discuss the Movement Control Order that has been enforced by the Malaysian government to curb the COVID-19 epidemic. This article uses the method of document analysis with reference to several books, journals, websites and Youtube. The findings of the study found that the Movement Control Order complies with the masalah or benefits according to Shariah of Islam in order to protect the health and lives of the public from COVID-19 in Malaysia.

Keywords: *Coronavirus, COVID-19, Command, Control, Movement.*

PENDAHULUAN

Dunia moden telah digemparkan dengan pandemik virus yang dikenali sebagai Covid 19. Menurut Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), setakat 31 Mac 2020, sebanyak 750,890 kes positif dan 36,405 kematian telah dicatatkan (World Health Organization(a)). Virus ini disebabkan sejenis Coronavirus baharu dan menimbulkan panik dan ketakutan di seluruh dunia.

Coronavirus adalah keluarga besar virus yang boleh menyebabkan penyakit pada haiwan atau manusia. Pada manusia, beberapa coronavirus diketahui menyebabkan jangkitan pernafasan daripada selesema biasa kepada penyakit yang lebih teruk seperti Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS) dan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS). Coronavirus yang paling baru dijumpai menyebabkan penyakit coronavirus ialah COVID-19. COVID-19 adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh coronavirus yang paling baru ditemui. Virus dan penyakit baru ini tidak diketahui sebelum wabak itu bermula di Wuhan, China pada Disember 2019 (World Health Organization(b)).

Sebagai langkah pencegahan dan berjaga-jaga, kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin pada 16 Mac 2020 dan perintah tersebut berkuatkuasa pada 18 hingga 31 Mac 2020 (Buletin TV3, Youtube). Ketika pengumuman pertama ini dihebahkan, Malaysia belum mencatatkan sebarang kematian akibat COVID-19. Tempohnya kemudian disambung lagi sehingga 14 April 2020 seperti yang diumumkan Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 (Sinar Harian Online).

Kematian pertama di Malaysia berlaku pada 17 Mac 2020 apabila seorang paderi di Sarawak menjadi mangsa COVID-19 di negara ini selepas disahkan meninggal dunia akibat virus itu (Berita Harian Online(a)). Kematian kedua juga dicatatkan pada hari yang sama 17 Mac 2020 (Berita Harian Online(b)).

Artikel ini akan membincangkan tentang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sebagai langkah pencegahan dari sudut perspektif Islam. Perbincangan akan dibuat dari sudut sama ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menepati masalah dalam Syariat Islam atau tidak.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID 19

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). MKN adalah sebuah agensi peneraju yang menyelaras dasar berkaitan keselamatan sejak penubuhannya pada 1971. Punca kuasa kepada MKN adalah Arahan MKN No. 1 yang bersandarkan kepada Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1979 yang menjelaskan pembentukan dan tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara. Pada asasnya, MKN bertanggungjawab menyelaraskan dasar yang berkaitan keselamatan

negara dan arah tuju hal-hal keselamatan. Struktur dan mekanisme keselamatan ini juga diguna pakai di peringkat negeri, daerah dan kampung (Majlis Keselamatan Negara, Sejarah).

Insiden 13 Mei 1969 telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh DYMM YDP Agong pada 15 Mei 1969 di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Pengisytiharan tersebut telah memberi kuasa kepada Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang telah ditubuhkan untuk membantu YAB Perdana Menteri merangkap Pengarah Gerakan Negara bagi mengukuhkan keselamatan awam, pertahanan negara dan memelihara ketenteraman awam, bekalan-bekalan dan perkhidmatan-perkhidmatan penting negara dalam usaha memulihkan negara kepada keadaan aman dan harmoni.

MAGERAN telah dibubarkan pada tahun 1971. Walau bagaimanapun, ancaman pengganas komunis yang masih berterusan dan bagi mengelakkan berulangnya insiden perselisihan kaum pada masa hadapan, Jemaah Menteri yang bersidang pada 23 Februari 1971 telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara rasminya pada 7 Julai 1971. Jemaah Menteri dalam mesyuarat Bil. 83/750/71 pada 31 Julai 1971 telah menghuraikan peranan MKN seperti berikut:

“Since the future racial peace in this country depends on how well the government handles the sensitive issues, it is suggested that the NSC shall be the body to look into the matter (Oleh kerana perdamaian kaum di negara ini pada masa depan bergantung pada seberapa baik pemerintah menangani isu-isu sensitif, maka disarankan agar MKN menjadi badan untuk meneliti masalah ini)”.

Oleh yang demikian, MKN bertanggungjawab menyelaraskan dasar-dasar berkaitan keselamatan negara dan arahan mengenai langkah-langkah keselamatan termasuk gerakan-gerakan keselamatan, ketenteraman awam dan perkara-perkara melibatkan keselamatan secara langsung di seluruh negara sama ada di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. MKN juga menjadi badan bertanggungjawab membantu Majlis Tindakan Negara (MTN) dalam perkara-perkara berkaitan keselamatan.

Sejak penubuhannya, sebanyak 21 Arahan MKN telah dikeluarkan bagi menangani pelbagai ancaman keselamatan semasa seperti kebanjiran pelarian Vietnam dan pendatang asing tanpa izin, kerjasama dua hala keselamatan dan pembangunan sempadan, penyeludupan, kawalan keganasan, ketenteraman awam serta pengurusan krisis dan bencana (Majlis Keselamatan Negara, Sejarah).

Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 seksyen 4 (Fungsi Majlis) memperuntukkan:

“4. *Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:*

(a) *untuk merumuskan dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara, termasuklah kedaulatan, integriti wilayah, pertahanan, kestabilan sosio-politik, kestabilan ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara dan kepentingan lain yang berhubung dengan keselamatan negara;*

(b) *untuk memantau pelaksanaan dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara;*

(c) *untuk memberi nasihat mengenai perisytiharan kawasan keselamatan; dan*

(d) *untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubung dengan keselamatan negara bagi pelaksanaan yang wajar Akta ini”.*

Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 seksyen 5 (Kuasa Majlis) juga memperuntukkan:

“*Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya termasuklah—*

(a) *untuk mengawal dan menyelaraskan Entiti Kerajaan dalam operasi yang berkenaan dengan keselamatan negara; dan*

(b) *untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana Entiti Kerajaan dalam perkara yang berkenaan dengan keselamatan Negara”.*

Perintah Kawalan Pergerakan atau *Movement Control Order* disandarkan pada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah ini dikuatkuasakan daripada tarikh 18-31 Mac 2020 yang mana ia terpakai di seluruh Malaysia (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan). Ia disambung lagi sehingga 14 April 2020 seperti yang diumumkan Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 (Harian Metro, Youtube). Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, lanjutan tempoh tersebut diputuskan berikutan trend positif baharu dijangka akan berterusan (Sinar Harian Online).

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, (Bahagian III Pencegahan Pembawaan Masuk Penyakit Berjangkit, Seksyen 6(3) Pengisytiharan Kawasan Jangkitan) memperuntukkan:

“(3) Menteri boleh, melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, menetapkan langkah-langkah yang hendak diambil untuk mencegah kemasukan apa-apa penyakit berjangkit dari sesuatu kawasan jangkitan”.

Terdapat 6 arahan yang terkandung dalam Perintah Kawalan Pergerakan ini iaitu:

- i. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya;
- ii. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara; Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;
- iii. Penutupan semua Taska, Sekolah Kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti;
- iv. Penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara; dan
- v. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*) (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan).

Tujuan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan ialah untuk membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia, dengan cara menghentikan rangkaian penyebaran wabak COVID-19 (The Malaysian Medical Gazette).

MASLAHAH DAN KONSEP PENCEGAHAN PENYAKIT MENURUT ISLAM

Imam al-Ghazaliyy (1993) dalam kitab *al-Mustasfa* mendefinisikan masalahah sebagai:

(بأنها المحافظة على مقصود الشرع. وقال: ومقصود الشرع من الخلق خمسة: وهو أن يحفظ عليهم دينهم

ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم، فكل ما يتضمن حفظ هذه الأصول الخمسة فهو مصلحة، وكل ما يفوت

هذه الأصول فهو مفسدة، ودفعها مصلحة)

Maksudnya, “Maksud masalahah ialah menjaga objektif Syarak. Objektif Syarak untuk hamba ada lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap perkara yang menjaga lima usul ini adalah masalahah. Setiap perkara yang menggugat lima usul ini adalah mafsadah (keburukan) dan menghindarinya adalah masalahah”.

Dr. Mardiyi Mushawwah al-^cAnaziyy (2017) mendefinisikan masalah sebagai:

(المنفعة التي قصدها الشارع الحكيم لعباده، في أمور دينهم ودنياهم، وليس في الشرع ما ينفيتها)

Maksudnya, “*Manfaat yang dikehendaki Syarak Yang Maha Bijaksana kepada hamba-hambanya dalam urusan akhirat dan dunia mereka dan tidak ada tegahan Syarak terhadapnya*”.

Manakala Yusuf al-Qaradawiyy (2015) pula mendefinisikan masalah sebagai:

(كل ما فيه صلاح ونفع للخلق في دنياهم أو في دينهم، وتعبير الفقهاء: في معاشهم أو في معادهم، سواء

كانت مصلحة فردية أم جماعية، مادية أم معنوية، آنية أم مستقبلية)

Maksudnya, “*Setiap kebaikan dan manfaat kepada makhluk (manusia) dalam urusan dunia dan agama mereka. Mengikut iktibar para fuqaha; dalam kehidupan mereka di dunia dan di akhirat, sama ada kebaikan itu berbentuk individu atau berkumpulan, fizikal atau maknawi, sekarang atau akan datang*”.

Dapat difahami daripada definisi-definisi di atas, maksud masalah ialah “apa sahaja kebaikan untuk manfaat manusia yang tidak menyalahi prinsip-prinsip umum Syarak”.

Pencegahan Penyakit Menurut Islam

Terdapat beberapa konsep pencegahan daripada nas al-Quran dan hadis mengenai kawalan penyakit.

Antaranya firman Allah SWT:

﴿وَلَا تُؤْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya, “*Janganlah kamu melemparkan diri kamu ke lembah kebinasaan*” (al-Quran. al-Baqarah: 195).

Syeikh Al-Sa^cdiyy (2000) menafsirkan ayat ini dengan penjelasan yang baik:

(والإلقاء باليد إلى التهلكة يرجع إلى أمرين: ترك ما أمر به العبد، إذا كان تركه موجبا أو مقاربا لهلاك البدن

أو الروح، وفعل ما هو سبب موصل إلى تلف النفس أو الروح، فيدخل تحت ذلك أمور كثيرة، فمن ذلك،

ترك الجهاد في سبيل الله، أو النفقة فيه، الموجب لتسلط الأعداء، ومن ذلك تغرير الإنسان بنفسه في مقاتلة أو سفر مخوف، أو محل مسبعة أو حيات، أو يصعد شجرا أو بنيانا خطرا، أو يدخل تحت شيء فيه خطر ونحو ذلك، فهذا ونحوه، ممن ألقى بيده إلى التهلكة. ومن الإلقاء باليد إلى التهلكة الإقامة على معاصي الله، واليأس من التوبة، ومنها ترك ما أمر الله به من الفرائض، التي في تركها هلاك للروح والدين)

Maksudnya, “*Mencampakkan diri dalam kebinasaan ada dua keadaan; Yang pertama: Seorang hamba meninggalkan apa yang diperintahkan jika tinggalan itu menyebabkan kerosakan tubuh atau nyawa. Begitu juga disebabkan melakukan perkara yang menyebabkan kematian. Contohnya banyak, antaranya meninggalkan jihad di jalan Allah, tidak memberi belanja di jalan Allah; yang menyebabkan musuh boleh menguasai. Antara lain ialah menipu daya dengan dirinya yang menyebabkan bunuh membunuh atau perjalanan yang menakutkan atau tempat dipenuhi binatang buas atau ular atau mendaki pokok atau bangunan yang bahaya atau memasuki tempat yang penuh bahaya dan seumpamanya. Ini semua termasuk dalam mencampakkan diri dalam kebinasaan. (Yang kedua) antara contoh mencampakkan diri dalam kebinasaan ialah melakukan maksiat kepada Allah, berputus asa daripada taubat, meninggalkan perintah Allah yang wajib yang apabila ia ditinggalkan akan menyebabkan rosaknya jiwa dan agama”*”.

Rasulullah SAW juga memberi beberapa panduan pencegahan penyakit, antaranya:

{ إِذَا سَمِعْتُمُ الطَّاعُونَ بِأَرْضٍ، فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ، وَأَنْتُمْ فِيهَا، فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا }

Maksudnya, “*Jika kamu mengetahui wabak taun berlaku di sesuatu kawasan maka janganlah kamu memasukinya. Jika ia berlaku di sesuatu kawasan yang kamu diami maka janganlah kamu keluar dari kawasan itu*” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab Ma Yuzkar Fi al-Ta’un. No. 5396).

Nabi SAW turut bersabda dalam hadis yang lain:

{ وَفِرَّ مِنَ الْمَجْذُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ }

Maksudnya, “*Larilah daripada pesakit kusta seperti kamu lari daripada singa*” (Hadis. Al-Bukhariyy. *Bab al-Juzam*. No. 5707).

Dalam hadis yang lain, Nabi SAW bersabda:

{ لَا يُورِدُ مُرَضٌ عَلَى مُصِحِّ }

Maksudnya, “*Jangan kamu campur unta yang sakit dengan unta yang sihat*” (Hadis. Muslim. *Kitab al-Salam: Bab La ‘Adwa Wa al-Tiyarata Wa La Hamata Wa La Safara Wa La Naw’a Wa La Ghula Wa La Yuridu Mumridun ‘Ala Musihhin*. No. 4234).

Ketiga-tiga hadis ini menjelaskan tentang tindakan yang perlu dilakukan jika berlaku penyakit apatah lagi wabak yang boleh membawa maut. Tidak mendekati pesakit atau tempat wabak, tidak bercampur dengan pesakit sama ada untuk manusia mahupun haiwan adalah antara langkah pencegahan dalam kaedah rawatan yang berkesan bagi mengawal penyakit atau wabak daripada merebak.

MASLAHAH DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Mencegah bermaksud menghalang (menegah, menolak, dan lain-lain), mengikhtiarkan supaya jangan berlaku (Kamus Dewan Edisi Keempat). Aplikasi pencegahan yang diambil oleh kerajaan dalam Pandemik COVID-19 ialah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tindakan yang berkait dengan pencegahan memang sangat dituntut oleh Islam malah ia sesuai dengan kaedah usul fiqh iaitu *sadd al-dhari‘ah* yang bermaksud menyekat pintu kerosakan atau kemusnahan (Irwan Mohd Subri, 2016).

Dr. ‘Abd al-Karim al-Qalaliyy (2020), Pensyarah Universiti Sidi Muhammad bin Abdullah, Fas, Maghribi menyatakan, “Pencegahan daripada kebinasaan (mati) adalah antara perkara terpenting yang dinaskan oleh Syarak dalam kebanyakan ayat al-Quran dan hadis. Ini dibuktikan dengan prinsip-prinsip umum Syariat Islam dan objektifnya yang disepakati semua ulama. Dalilnya ialah firman Allah SWT:

﴿وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya, “*Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan; dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu;*

kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya” (al-Quran. al-Baqarah: 195).

Begitu juga dengan dalil-dalil lain yang menunjukkan tentang penjagaan nyawa dan badan dan perlu berhati-hati dengan perkara yang boleh membawa kepada kematian manusia. Syariat Islam mengiktibar rawatan ketika berlakunya penyakit, penjagaan daripada setiap perkara yang menyakiti manusia atau selainnya, penjagaan daripada perkara-perkara yang dijangka akan berlaku supaya ia menyediakan persiapan baginya. Begitulah seterusnya Syariat Islam mengiktibar semua perkara yang menjaga kehidupan di dunia ini dengan konsep menghindari keburukan dan membawa kebaikan. Telah terbukti bahawa konsep pencegahan lebih baik daripada merawat. Apabila keadaan wabak/penyakit semakin tersebar, seseorang tidak boleh kecewa dan berputus asa dan menimbulkan panik dan ketakutan di kalangan masyarakat. Syariat Islam telah memberi panduan berhadapan dengan wabak ketika ia berlaku, seperti mana ia menggesa konsep pencegahan sebelum wabak berlaku”.

Dr. ^cAbd al-Karim al-Qalaliyy (2020), Pensyarah Universiti Sidi Muhammad bin Abdullah, Fas, Maghribi menyatakan, *“Rawatan mestilah mengambil sebab musabbab dan ia adalah tuntutan Syarak yang pasti. Bahkan ia mencapai tahap wajib sama ada berbentuk rawatan atau pencegahan sekiranya dibimbangi akan mati. Seseorang individu hendaklah berusaha berubat dan mencari ubat yang sesuai untuk mengubati penyakitnya dengan panduan dan nasihat ahli dan pakarnya (pakar perubatan) tanpa mengabaikan ubat rohani yang selalu dilupakan oleh ramai manusia. Hal ini kerana, ada penyakit yang tidak dapat diubati oleh doktor dan tidak diketahui ubatnya. Wabak Corona (COVID-19) yang menimpa umat manusia sekarang adalah bukti yang nyata bahawa tiada ubat untuk merawatnya setakat ini. Syariat Islam telah menunjukkan cara untuk menghindari bala ini sama ada ubat berbentuk fizikal mahu pun rohani. Antara asbab yang paling kuat bagi menolak wabak ini ialah bermunajat kepada Allah Azza Wa Jalla dengan taubat, zikir, doa, istighfar, sedekah dan membaca al-Quran. Kekuatan bermunajat kepada Allah SWT dan memohon kesembuhan daripadaNya melebihi kekuatan ubat-ubatan. Kuasa Allah SWT yang mampu menghalang kekuatan racun-racun yang membunuh seperti yang sabit daripada Rasullullah SAW yang meruqyah (merawat) sahabat”.*

Dr. ^cAbdelhak Hamiche (2020) Pensyarah Universiti Hamad bin Khalifah, Qatar berkata, *“Pengasingan dan kuarantin adalah dua kaedah yang digariskan oleh*

Rasulullah SAW untuk menghalang tersebarnya wabak. Wabak dan penyakit berlaku sedikit di negara Islam berbanding di Eropah dalam lipatan sejarah. Wabak taun yang membunuh satu perempat penduduk Eropah, berkurangan kesannya apabila sampai di negara-negara Islam. Ini kerana keunikkan Islam meletakkan satu kaedah pencegahan rawatan di mana dunia perubatan moden mengiktiraf keberkesannya. Dunia barat menganggap ia yang menjumpai formula ini sedangkan ia telah berakar umbi dalam akidah Islam. Islam bertitik tolak dengan kerangka yang luas dalam isu perubatan, rawatan dan aspek kesihatan bahawa menjaga nyawa, anggota badan, akal dan fikiran adalah tonggak asasi, di mana Syariat Islam menitikberatkannya serta menjaga dan memeliharanya. Oleh sebab itulah Allah SWT memerintahkan RasulNya agar berubat. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تُلقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya, “Janganlah kamu melemparkan diri kamu ke lembah kebinasaan” (al-Quran. al-Baqarah: 195). Sunnah Nabi mempunyai banyak hadis yang mengandungi doa-doa di mana umat Islam boleh berdoa dengannya untuk melindungi diri daripada penyakit dan wabak. Begitu juga bergantung harap kepada Allah untuk menyelamatkan diri daripada terkena penyakit dan wabak itu. Contohnya sabda Nabi SAW:

{اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجَذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ}

Maksudnya, “Ya Allah aku berlindung denganMu daripada sopak, gila, kusta dan keburukkan penyakit” (Hadis. Abu Dawud. Bab Fi al-Isti'adhah. No. 1554).

Talal Mish'al (2016) pula berkata, “Nabi SAW menggesa umat Islam tentang pentingnya mengikut tindakan-tindakan tertentu dalam hidup ini untuk menghindari penyakit dan wabak daripada mereka. Dalam sebuah hadis, Nabi SAW bersabda:

{غَطُّوا الْإِنَاءَ، وَأَوْكُوا السِّقَاءَ، فَإِنَّ فِي السَّنَةِ لَيْلَةً نَزَلُ فِيهَا وَبَاءٌ، لَا يَمُرُّ بِإِنَاءٍ لَيْسَ عَلَيْهِ غَطَاءٌ، أَوْ سِقَاءٍ

لَيْسَ عَلَيْهِ وَكَاءٌ، إِلَّا نَزَلَ فِيهِ مِنْ ذَلِكَ الْوَبَاءِ}

Maksudnya, “Tutuplah bekas dan tutuplah minuman. Dalam setahun akan ada satu malam di mana turunnya wabak. Ia tidak akan melalui bekas yang tidak ada penutup, atau minuman yang tidak ada penutup kecuali wabak itu akan turun padanya” (Hadis. Muslim. Bab al-Amr Bi Taghtiyat al-Ina' Wa Ika' al-Siq' Wa Ighlaq al-Abwab Wa Dhikri Ismillah cAlayha. No. 2014). Tidak dinafikan, bahawa dengan mengikut tindakan

ini, ia adalah kaedah pencegahan dalam menentang mana-mana wabak atau penyakit yang mungkin akan didapati dalam bekas-bekas atau minuman yang terbuka (tidak bertutup)”.
.

Ini bertepatan dengan objektif Syarak (*maqasid al-shari'ah*) yang antaranya ialah menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan harta (*hifz al-mal*) (Al-Shatibiyy, t.th). Menjaga nyawa dapat direalisasikan melalui halangan orang luar daripada masuk ke tempat yang sedang dilanda wabak seperti taun. Begitu juga melalui halangan pesakit yang terdedah kepada penyakit daripada keluar daripada tempat tersebut, seterusnya boleh menjangkiti orang lain. Manakala menjaga harta dapat direalisasikan melalui penjimatan wang ringgit daripada dibazirkan untuk merawat pesakit jika langkah pencegahan tidak diambil (Irwan Mohd Subri, 2016).

Setiap perkara yang hendak dilaksanakan untuk masalah ummah hanya diperakukan oleh syarak sekiranya tidak bercanggah dengan *maqasid al-shari'ah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Shatibiyy, t.th).

Oleh yang demikian, apabila kita berbalik kepada isu mencegah penularan wabak atau penyakit yang berjangkit ini, kaedah menghalang mereka yang berada di tempat-tempat tersebarnya penyakit berjangkit atau disebut sebagai kuarantin merupakan antara langkah terbaik bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar. Maka para pemerintah atau badan-badan berautoriti hendaklah bertindak dalam menangani isu-isu penularan wabak dengan melihat kepada masalah-masalah kepada masyarakat setempat di samping mengambil kira faktor suasana setempat dan juga keadaan masyarakat. Hal ini adalah bertepatan dengan sebuah kaedah fiqh yang menyebutkan:

(تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالمَصْلَحَةِ)

Maksudnya, “*Urus tadbir pemerintah ke atas rakyat hendaklah terikat dengan masalah*” (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke- 45).

PENUTUP

Dapat disimpulkan bahawa tindakan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) menepati masalah yang dititikberatkan Syariat Islam. Ini bagi memastikan Pandemik COVID-19 dapat dibendung daripada terus tersebar dan rantaianya dapat diputuskan.

Syariat Islam telah mendahului dalam menggariskan langkah pencegahan penyakit atau wabak berjangkit. Ini membuktikan bahawa Syariat Islam sentiasa relevan dan mempunyai jawapan kepada semua permasalahan manusia dan ia amat sesuai pada setiap zaman dan tempat.

RUJUKAN

Buku

- al-Ghazaliyy, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Tusiyy. 1993. *al-Mustasfa Min ʿIlm al-Usul*. T.tp: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Khalid Hamdiyy ʿAbd al-Karim & Yasir Muhammad ʿAbd al-Rahman. T.th. *Taʿarud al-Masalih al-ʿAmmah Wa al-Khassah Dirasah Usuliyah Fiqhiyyah*. T.tp: T.pt.
- Al-Saʿdiyy, ʿAbd al-Rahman bin Nasir bin ʿAbdullah. 2000. *Taysir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Mannan*. T.tp: Muʿassasat al-Risalah.
- Al-Shatibiyy, Abu Ishaq, Ibrahim bin Musa. T.th. *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariʿah*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Jurnal

- Irwan Mohd Subri. 2016. *Pencegahan Penyakit Melalui Kaedah Pelalihan Menurut Perspektif Islam*. Jurnal Ulum Islamiyyah. Vol. 17, (Jun). Nilai: Penerbit USIM.

Internet

- ʿAbdelhak Hamiche. 2020. *Al-Awbi'ah Wa al-Amrad al-Fattakah Min Manzur Diniyy*. <https://www.elkhabar.com/press/article/163048/%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%88%D8%A8%D8%A6%D8%A9-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A3%D9%85%D8%B1%D8%A7%D8%B6-%D8%A7%D9%84%D9%81%D8%AA%D8%A7%D9%83%D8%A9-%D9%85%D9%86-%D9%85%D9%86%D8%B8%D9%88%D8%B1-%D8%AF%D9%8A%D9%86%D9%8A/> (diakses pada 25 Mac 2020).
- ʿAbd al-Karim al-Qalaliyy. 2020. *Manhaj al-Shariʿat al-Islamiyyah Fi al-Wiqayah Min al-Waba' Wa ʿIlajih*. <https://www.hespress.com/writers/463222.html> (diakses pada 25 Mac 2020).
- Berita Harian Online(a). *COVID-19: Malaysia Rekod Kematian Pertama*. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/03/666225/covid-19-malaysia-rekod-kematian-pertama> (diakses pada 21 Mac 2020).

- Berita Harian Online(b). *TERKINI: 2 Kematian Pertama Akibat COVID-19.*
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666231/terkini-2-kematian-pertama-akibat-covid-19> (diakses pada 21 Mac 2020).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. *Cegah.*
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=cegah&d=176312&#LIHATSINI>
(diakses pada 21 Mac 2020).
- Majlis Keselamatan Negara. *Sejarah.* <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sejarah-mkn/>
(diakses pada 24 Mac 2020).
- Mardiyy Mushawwah al-^cAnaziyy. 2017. *Al-Maslahatu Fi al-Fiqh al-Islamiyy.* Al-Alukat al-Islamiyyah. <https://www.alukah.net/sharia/0/118623/> (diakses pada 30 Mac 2020).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. *Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke- 45: Bagaimana Mendepani Wabak Dan Penyakit Menurut Perspektif Usul Al-Fiqh.*
<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4138-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-45-bagaimana-mendepani-wabak-dan-penyakit-menurut-perspektif-usul-al-fiqh>
(diakses pada 21 Mac 2020).
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. *Soalan Lazim (FAQ's) Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order) - Dikemaskini.*
<https://www.pmo.gov.my/2020/03/soalan-lazim-faqs-mengenai-perintah-kawalan-pergerakan-movement-control-order/> (diakses pada 21 Mac 2020).
- Sinar Harian Online. *Perintah Kawalan Pergerakan Disambung Sehingga 14 April.*
[https://www.sinarharian.com.my/article/75477/KHAS/Koronavirus/Perintah-Kawalan-Pergerakan-disambung-dua-\(2\)-minggu-lagi-sehingga-14-April-2020](https://www.sinarharian.com.my/article/75477/KHAS/Koronavirus/Perintah-Kawalan-Pergerakan-disambung-dua-(2)-minggu-lagi-sehingga-14-April-2020)
(diakses pada 1 April 2020).
- Talal Mish^cal. 2016. *Mafhum al-Wiqayat al-Sihhiyyah Fi al-Islam.*
https://mawdoo3.com/%D9%85%D9%81%D9%87%D9%88%D9%85_%D8%A7%D9%84%D9%88%D9%82%D8%A7%D9%8A%D8%A9_%D8%A7%D9%84%D8%B5%D8%AD%D9%8A%D8%A9_%D9%81%D9%8A_%D8%A7%D9%84%D8%A5%D8%B3%D9%84%D8%A7%D9%85 (diakses pada 25 Mac 2020).

The Malaysian Medical Gazette. *COVID-19: Maksud Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order)*. <https://www.mm Gazette.com/covid-19-maksud-perintah-kawalan-pergerakan-movement-control-order-dr-farizah-hairi-dr-zaki-hilmi/> (diakses pada 1 April 2020).

World Health Organization(a). *Coronavirus Disease (COVID-19) Outbreak Situation*. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (diakses pada 21 Mac 2020).

World Health Organization(b). *Q&A On Coronaviruses (COVID-19)*. <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/q-a-coronaviruses> (diakses pada 21 Mac 2020).

Yusuf al-Qaradawiyy. 2015. *al-Maslahat al-Mursalah Wa Shurut al-^cAmal Biha*. <https://www.al-qaradawi.net/node/4041> diakses pada 30 Mac 2020).

Youtube

Buletin TV3, Youtube. *Pengumuman Khas: Perintah Kawalan Pergerakan Bermula 18 Mac Higgs 31 Mac*. <https://www.youtube.com/watch?v=WM3bxAArmv4> (diakses pada 24 Mac 2020).

Harian Metro, Youtube. *[LIVE] Perutusan khas oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin*. <https://www.youtube.com/watch?v=rYIfzAxKAZk&feature=youtu.be> (diakses pada 25 Mac 2020).

Akta

Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 (Akta 776).

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Akta Polis 1967 (Akta 344).